

HAK SUAMI KE ATAS ISTERI

Tanggungjawab merupakan satu tugas yang mesti dilaksanakan bagi melengkapkan kehidupan. Sesuai dengan namanya, setiap orang akan **ditanya atau diminta menjawabnya** di hadapan Allah kelak seandainya tugas itu tidak dapat disempurnakan.

1) MEMBERI NAFKAH KEPADA ISTERI

Wajib ke atas suami memberi nafkah ke atas isteri sama ada isteri berkemampuan atau sebaliknya. Isteri mempunyai hak untuk menuntut nafkah dari suami menurut peruntukan yang ada dalam Undang-Undang Keluarga Islam walaupun masih dalam ikatan perkahwinan. Namun begitu, nilainya perlu mengikut kemampuan suami menurut perbelanjaan semasa. Suami tidak boleh mengambil kesempatan untuk meniadakan keupayaannya bagi mencari pendapatan menurut keupayaan sebenar yang diukur dari sudut masa, usia, tenaga dan kesihatan. Contohnya, suami mampu mencari pendapatan tambahan tetapi tidak mahu dengan alasan seperti malas.

Firman Allah s.w.t. di dalam Surah At-Talak ayat 7 yang bermaksud:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan”

Nafkah yang dimaksudkan ialah seorang suami mesti menyediakan makan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan hidup kepada isteri.

Namun begitu, seorang isteri perlu sedar bahawa hak nafkah akan hilang sekiranya mereka nusyuz terhadap suami iaitu tidak taat kepada suami seperti meninggalkan rumah suami dan enggan berpindah mengikut suami. Isteri juga tidak boleh menuntut nafkah yang keterlaluan dari suami terhadap keperluan-keperluan yang tidak sepatutnya.

2) MEMIMPIN DAN MEMELIHARA ISTERI DENGAN NASIHAT DAN PENGAJARAN

Adalah menjadi tanggungjawab suami untuk memimpin isteri ke jalan yang diredhai Allah. Suami mempunyai kuasa mendidik isteri melalui nasihat dan pengajaran yang baik. Suami hendaklah menegur kesilapan dan memperbetulkan kesalahan isteri dengan kasih sayang dan belas kasihan. Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud: "Berilah pengajaran yang baik kepada kaum wanita, kerana kaum wanita dijadikan daripada tulang rusuk. Adapun tulang rusuk yang paling bengkok ialah tulang rusuk yang paling atas, yang apabila engkau luruskan ia akan patah dan apabila engkau biarkan ia tetap bengkok. Oleh itu berilah pengajaran kepada kaum wanita dengan cara yang baik." [*Riwayat Bukhari & Muslim*]

3) MEMBERI KEADILAN KEPADA ISTERI TERUTAMA BAGI SUAMI YANG BERISTERI LEBIH DARI SEORANG

Seorang suami wajib berlaku adil terhadap isteri terutama bagi suami yang beristeri lebih dari seorang. Adil itu bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud: "***Dan sesungguhnya orang yang paling baik di antara kamu ialah orang yang paling baik pada isterinya.***" [*Riwayat Tirmizi & Abu Daud*]

Bagi suami yang beristeri lebih dari seorang pula, mereka mestilah menyamakan hak dan bergaul dengan baik terhadap isteri-isteri mereka. Keadilan ini meliputi segala aspek melainkan pada perkara yang berkaitan dengan kecenderungan hati dan perasaan kerana ia bukan kehendak dan kekuasaan manusia. Allah s.w.t. berfirman di dalam Surah An-Nisa' ayat 3 yang bermaksud: ***"Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka kahwinlah seorang saja."***

4) MENGGEMBIRAKAN HATI ISTERI

Seorang suami berhak untuk menggembirakan hati isteri yang telah bekerja untuk suami dalam menguruskan rumahtangga. ***"Diriwalkan dari Aisyah r.a., bahawa pada suatu hari beliau pernah ditanya: Bagaimanakah sikap baginda Rasul s.a.w. ketika di dalam rumah? Maka Aisyah menjawab: Baginda Rasul adalah orang yang paling lemah lembut, sering tersenyum dan sering pula tertawa."*** [Riwayat Ibnu Saad]

HAK ISTERI KE ATAS SUAMI

ADALAH menjadi tanggungjawab seorang isteri bagi menunaikan hak-hak suaminya. Di antaranya ialah;

1) TAAT PADA SUAMI DAN PATUH TERHADAP NASIHATNYA

Isteri wajib mentaati dalam segala perintah suami melainkan pada perkara-perkara maksiat dan larangan terhadap Allah s.w.t. ***“Rasulullah s.a.w. pernah melarang kepada Muaz bin Jabal ketika beliau bersujud kepada baginda kerana mengikut amalan ahli Syam: Jangan kamu lakukan sebagaimana mereka, maka sesungguhnya aku, sekiranya aku diberi suatu perintah agar seseorang bersujud kepada selain dari Allah, sudah pasti akan aku perintahkan seorang isteri untuk bersujud kepada suaminya.”*** Hadith ini telah menerangkan kepada kita bahawa ketaatan seorang isteri kepada suaminya adalah suatu perkara yang wajib. Para isteri janganlah merasakan ketaatan kepada suami merupakan suatu perkara yang boleh membebankan dirinya, kerana walaupun ia berat untuk dilaksanakan, tetapi Allah s.w.t. telah menjanjikan balasan yang terbaik sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Tirmizi yang bermaksud : ***“Mana-mana wanita yang mati sedangkan suaminya redha akannya, maka dia akan masuk syurga.”*** Manakala di dalam hadith lain yang diriwayatkan oleh Ahmad dan selainnya, sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud : ***“Sekiranya seseorang wanita sembahyang lima waktu, berpuasa sebulan Ramadhan, memelihara kemaluannya dan taat akan suaminya, akan dikatakan padanya masuklah kamu dari mana-mana pintu syurga yang kamu kehendaki.”***

2) MEMELIHARA MARUAH SUAMI DAN HARTANYA SAMA ADA KETIKA KEHADIRANNYA ATAU KETIADAANNYA

Adalah menjadi kewajiban bagi seseorang isteri agar memelihara maruah, rahsia dan harta suami kerana suami merupakan ketua rumahtangga yang mengetuai dan menguruskan segala urusan yang berkaitan dengannya. Perkara ini telah disebut di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dalam sahihnya dari Abi Hurairah r.a. sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud : ***“... dan janganlah seorang wanita membelanjakan harta suaminya melainkan dengan izinnya.”*** Manakala hadith lain daripada Ibn Umar dan Ibn Abbas r.a. ***“Janganlah seorang wanita mendedahkan sesuatu harta dari rumah suaminya melainkan dengan izinnya, maka sekiranya dilakukannya juga, adalah bagi suaminya pahala dan ke atasnya (isteri) dosa...”***

3) MEMBANTU SUAMI DALAM MENGURUSKAN URUSAN-URUSAN RUMAHTANGGA

Adapun isteri telah dicipta kejadiannya untuk mengandung dan melahirkan anak. Oleh itu, sesuai dengan fitrah kejadian wanita terhadap tugas-tugas yang diamanahkan, seorang isteri perlu membantu suami dalam menguruskan rumahtangga seperti memelihara anak-anak dan menjalankan urusan-urusan di dalam rumah. Inilah hikmah Allah s.w.t. yang telah ditetapkan dengan meletakkan setiap kumpulan ahli dalam pekerjaannya. Setiap lelaki dan wanita dipertanggungjawabkan dengan pekerjaan yang munasabah dan sesuai dengan kejadiannya sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud: ***“Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka dengan cara yang sepatutnya.”***

4) MEMINTA IZIN SUAMI DALAM PERKARA-PERKARA TERTENTU

Adalah menjadi kewajiban bagi seorang isteri untuk meminta izin terlebih dahulu dari suami dalam perkara-perkara tertentu seperti untuk membenarkan seseorang yang lain memasuki rumah dan berpuasa sunat. Rasulullah s.a.w. telah bersabda di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari yang bermaksud : ***“Tidak halal bagi seorang wanita berpuasa sedangkan suaminya menyaksikannya melainkan dengan izin suaminya, dan tidak mengizinkan seseorang memasuki rumah kecuali dengan izin suaminya...”***

5) TINGGAL BERSAMA SUAMI DI TEMPAT TINGGAL YANG DISEDIAKAN

Wajib bagi seorang isteri tinggal bersama suami di tempat tinggal yang telah disediakan bagi perkahwinan mereka. Para isteri tidak boleh keluar dari rumah suaminya atau enggan tinggal bersama suaminya melainkan dengan izin suaminya. Wanita yang keluar rumah tanpa izin suaminya boleh mengundang fitnah dan ia turut merosakkan nilai-nilai kekeluargaan seperti mendatangkan syak wasangka pada suami dan lain-lain kecelakaan yang lebih besar. Oleh sebab itu, suami mempunyai hak untuk menahan isteri agar tidak keluar dari rumah melainkan dengan izinnya atau pada perkara-perkara yang penting seperti menunaikan fardu haji dengan syarat bermahram kerana ia merupakan suatu perintah Allah yang mendahului perintah suami atau menziarahi ibu bapanya kerana larangan suami terhadap isteri daripada menziarahi ibu bapanya akan membawa kerosakan yang lebih besar lagi iaitu terputusnya silaturrahim.

HAK BERSAMA (SUAMI & ISTERI)

Hubungan Kelamin Di Antara Suami Dan Isteri

Sesungguhnya dibolehkan bagi kedua-dua suami dan isteri untuk mendapatkan hak hubungan kelamin di antara satu sama lain menurut batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah. Kedua-dua suami dan isteri berkewajipan menunaikan hak ini bila mana salah seorang daripada mereka cenderung ke arahnya. Haram bagi seorang suami menyibukkan diri dengan amalan-amalan dan ibadah-ibadah setiap masa sehingga mengabaikan isterinya sehingga tidak dapat memberikan haknya kepadanya kerana yang demikian itu akan mengundang kemudaratan kepada isterinya. Telah diriwayatkan bahawa isteri Abdullah b. Amru b. Al-Asr telah mengadu perihal suaminya kepada Rasulullah s.a.w. bahawa sesungguhnya dia (Abdullah) telah berpuasa pada siang hari dan bangun bertahajjud di malam hari. Maka Rasulullah s.a.w. telah menghantar utusan kepada Abdullah. Ketika Abdullah hadir di hadapan Rasulullah, berkata baginda kepadanya : *“Wahai Abdullah, Tidakkah Aku ingin khabarkan sesungguhnya engkau berpuasa di siang hari dan bangun bertahajjud di malam hari? Kemudian baginda s.a.w. bersabda, janganlah engkau lakukan sedemikian, hendaklah ada sebilangan hari engkau berpuasa dan engkau berbuka (tidak berpuasa) pada sebilangan yang lainnya, dan bangunlah pada sebilangan waktu dan tidurlah di ketika yang lain kerana sesungguhnya bagi dirimu itu ke atasnya hak (bagi isteri kamu) dan bagi isterimu ke atasnya hak bagi kamu.”*

Hak Mendapatkan Pergaulan Yang Baik Di Antara Suami Dan Isteri

Hak pergaulan merupakan perkara yang perlu dikongsi di antara suami dan isteri. Setiap suami dan isteri mestilah memperelokkan pergaulan mereka di antara satu sama lain sehingga membuahkan semangat bekerjasama, toleransi, hormat-menghormati dan kehidupan yang baik. Pergaulan baik ini akan rosak sekiranya suami atau isteri meminta pasangannya melakukan sesuatu di luar kemampuan mereka seperti isteri yang meminta sesuatu di luar kemampuan suaminya atau suami menyuruh isteri melakukan sesuatu perkara di luar kemampuan isteri. Pergaulan yang baik iaitu setiap suami dan isteri tidak melakukan sesuatu perkara

yang bertentangan dengan syara' dan muamalah (pergaulan) kedua-duanya mestilah baik dari sudut kata-kata dan tingkahlaku seperti suami memberi kegembiraan dan bersenda gurau dengan isterinya. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersenda gurau dengan isteri-isterinya dan baginda juga tidak terlepas daripada membantu isteri-isterinya dalam melakukan dalam melakukan kerja-kerja rumah sebagaimana hadith yang terdapat dalam sahih Bukhari dari Al-Aswad bin Yazid katanya : *"Aku telah bertanya kepada Aisyah r.a. : Apakah yang telah dilakukan oleh baginda Rasulullah ketika di rumah? Jawab Aisyah r.a. : Adalah baginda Rasulullah melakukan apa yang dilakukan oleh ahli rumahnya(isteri), maka apabila baginda mendengar azan baginda akan keluar(ke masjid)."*

Pergaulan baik ini dapat dilaksanakan sekiranya kedua-dua pihak ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Suami dan isteri akan mendapat manfaat yang besar jika hak ini terlaksana kerana kedua-duanya akan memperoleh ketenangan, kasih sayang, kebahagiaan, kedamaian dan rahmat (belas kasihan) sebagaimana yang telah Allah s.w.t. janjikan di dalam firmanNya dalam Surah Ar-Rum ayat 21 yang bermaksud : *"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan."*